

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 24, 2019 10:12 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Hayati Falsafah Ilmu Dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

24 OKTOBER 2019 / 25 SAFAR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

HAYATI FALSAFAH ILMU DALAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT



UUM ONLINE: Graduan Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) diingatkan agar terus berkembang maju menghayati falsafah ilmu yang diterapkan dalam pembelajaran sepanjang hayat.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim berkata, ijazah yang diperoleh merupakan titik tolak untuk terus berjaya dan apabila tamat pembelajaran di UUM bukanlah penamat untuk terus menyumbang tenaga dan buah fikiran kepada institusi atau agensi yang diwakili dan juga negara.

Katanya, ilmu serta pengalaman yang digarap semasa pengajian di UUM banyak memberi input positif dan berguna pada diri, pekerjaan dan juga alam sekitar.

"UUM melalui PACE sebagai platform dalam merealisasikan hasrat negara bagi agenda kelestarian pembelajaran sepanjang hayat telah mampu melahirkan ramai siswazah yang berkualiti.

"Hasil daripada kejayaan ini, maka sudah sampai masanya bagi alumni Program PJJ UUM yang dilahirkan oleh PACE untuk memberi sumbangan kembali kepada alma maternya," katanya yang mewakili Naib Canselor pada Majlis Makan Malam Graduan Program PJJ di EDC Hotels & Resorts, kelmarin.

Beliau juga menyeru agar graduan Program PJJ dapat meluangkan masa, tenaga dan buah fikiran untuk memberi sumbangan kepada UUM dalam apa jua bentuk berdasarkan kapasiti masing-masing dan berharap segala sumbangan yang diberikan kelak menjadi amal jariah berkekalan hingga ke akhirat.

Sementara itu, Pengarah PACE, Prof. Madya Dr. Halim Mad Lazim berkata, sehingga kini, Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE) telah berjaya melahirkan lebih 8,000 graduan sarjana muda PJJ dalam pelbagai bidang sejak ditubuhkan pada 1996, selain melahirkan ramai alumni yang berjaya dalam bidang masing-masing.

Menurutnya, beliau berharap graduan Program PJJ dapat menggunakan segala pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan ilmu yang ditimba sepanjang tempoh pengajian itu dalam segenap aspek kehidupan serta dapat menjana kecemerlangan diri dan membina kerjaya yang lebih maju pada masa hadapan.

"Syabas dan tahniah di atas kejayaan yang dicapai setelah berhempas pulas dan mengerah tenaga dalam memastikan pengajian dapat ditamatkan mengikut tempoh yang ditetapkan walaupun pelbagai rintangan dan cabaran terpaksa dilalui sepanjang tempoh lima tahun ini," katanya.

Hadir sama, Pro-Canselor, Tun Dato' Seri (Dr.) Ahmad Fairuz Dato' Sheikh Abdul Halim dan isteri, Datin Seri Mazni Mohamed Noor serta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Halimaton Shaadiah Saad.

Pada Majlis Konvokesyen UUM Ke-32 semalam menyaksikan graduan Program PJJ berjaya menamatkan pengajian dan menerima ijazah sarjana muda dalam bidang masing-masing pada sesi terakhir (sesi 9) yang disampaikan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.